

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(KOPERAK)**



2021 LAPORAN TAHUNAN

**Mesyuarat Agung Tahunan
Kali Ke-40**

**25 Jun 2022
26 Zulkaedah 1443H
(Sabtu)**

**Casuarina Convention Centre,
Hotel Casuarina@Meru,
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan**

VISI

“Untuk menjadi Koperasi yang menerajui kecemerlangan kepelbagaian aktiviti perniagaan dengan penawaran perkhidmatan yang terbaik”

MISI

- ❖ Beriltizam ke arah memajukan kualiti perkhidmatan melalui kepelbagaian aktiviti perniagaan dan kebajikan anggota.
- ❖ Beriltizam ke arah peningkatan kepuasan anggota menerusi perkhidmatan yang jujur, amanah, cekap dan cepat.
- ❖ Beriltizam meneruskan usaha meningkatkan keuntungan anggota koperasi dari semasa ke semasa.
- ❖ Beriltizam untuk berdedikasi mempergiatkan tanggungjawab sosial menerusi keuntungan yang diperolehi.


OBJEKTIF

- ❖ Menjalankan kegiatan ekonomi berlandaskan konsep Pematuhan Syariah.
- ❖ Membina dan membangunkan ekonomi anggota melalui masyarakat sejagat.
- ❖ Memupuk sikap bekerjasama dan tolong menolong di kalangan anggota.
- ❖ Membantu anggota memperolehi wang tunai dan perkhidmatan secara mudah serta halal melalui pembiayaan berlandaskan Syariah.
- ❖ Mengadakan program Pendidikan kepada anggota melalui seminar dan kursus (dalaman & luaran).
- ❖ Melahirkan anggota yang bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia dan berwibawa.

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.	Anggota Lembaga Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK)	4
2.	Perutusan Pengerusi	5
3.	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40	6-8
4.	Maklumat Korporat	9
5.	Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39	10-23
6.	Senarai Kehadiran Anggota Dalam Talian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39	24-28
7.	Senarai Anggota Lembaga KOPERAK	29
8.	Senarai Jawatankuasa Audit Dalaman	29
9.	Laporan Kemajuan Dan Laporan Aktiviti-Aktiviti Jawatankuasa	30-40
10.	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman	41
11.	Laporan Dan Kenyataan Kewangan 31 Disember 2021	42
	Maklumat KOPERAK	43
	Laporan Juruaudit Bebas	44-47
	Laporan Berkanun Anggota Lembaga	48-49
	Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan	50-51
	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan	52
	Penyata Pendapatan	53-54
	Penyata Aliran Tunai Disatukan	55-56
	Nota-nota kepada Penyata Kewangan	57-91
12.	Anggaran Penyata Kewangan Tahun 2023	92-96
13.	Berita Bergambar	97-99
14.	Iklan Sewaan Rumah Kedai	100

ANGGOTA LEMBAGA KOPERAK



PERUTUSAN Pengerusi

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 dapat dijalankan secara bersemuka sejurus kerajaan mengumumkan kebenaran untuk menjalankan aktiviti secara bersemuka berikutan wabak COVID-19 kini berada dalam Fasa Endemik.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan buat YBhg. Datuk Redza Rafiq Bin Abdul Razak, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan semua anggota KOPERAK yang sentiasa memberikan kepercayaan dan sokongan yang berterusan sehingga KOPERAK mampu menjadi sebuah koperasi yang berdaya saing setanding dengan koperasi-koperasi besar yang lain di Malaysia.



Alhamdulillah dalam memastikan KOPERAK dapat memberikan pulangan dividen dan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota, KOPERAK sentiasa memberikan tumpuan penuh bagi menambahbaik prestasi KOPERAK dari segi pembangunan perniagaan dan perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi yang sedang dalam proses pemulihan, KOPERAK sedang membuat penilaian terhadap perniagaan-perniagaan yang baru yang akan diceburi supaya ianya tidak menjejaskan pendapatan sedia ada.

Pihak KOPERAK buat masa ini memfokuskan kepada pembangunan perniagaan dalaman sediada KOPERAK seperti Insurans dan Stesen-Stesen Minyak serta tidak dilupakan Pembiayaan Bai Al-Inah bagi anggota-anggota. Ini adalah asas perniagaan sediada yang perlu kita kukuhkan terlebih dahulu.

Alhamdulillah setelah pelbagai cabaran ditempuhi KOPERAK akhirnya berjaya memulakan operasi Stesen Minyak Kedua milik KOPERAK iaitu Stesen Minyak PETRONAS Lebu Meru Raya pada 26 April 2022. KOPERAK juga berterima kasih kepada anggota-anggota yang telah memberikan sokongan sepanjang proses pembukaan operasi stesen ini.

Dengan ini, saya mencadangkan dividen KOPERAK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 yang mengambil kira Modal Yuran Anggota dan Modal Syer Anggota Terkumpul sehingga 30 Jun 2021 adalah sebanyak 8% atau keseluruhannya sebanyak RM228,496.88 tertakluk kelulusan Mesyuarat Agung.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa dividen yang diumumkan sudah mengambil kira 2.5% bayaran Zakat Perniagaan KOPERAK (termasuk Modal Yuran dan Syer Anggota) di mana bayaran zakat tersebut dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) pada setiap tahun.

Akhir kalam, saya bagi pihak semua Anggota Lembaga KOPERAK mengucapkan selamat bersidang. Semoga Mesyuarat ini diberkati Allah S.W.T dan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih

**“MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA”**

Dengan hormatnya,

(KAMARUL BAHRIN BIN BAHARUDIN)
Pengerusi,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD



Bil (71) dlm KPPB/TADB/14 Jld 3

25 Mei 2022

Kepada
Anggota-Anggota
Koperasi Perbadanan Perak Berhad

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD KALI KE EMPAT PULUH (40)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

- Tarikh : 25 Jun 2022 (Sabtu)
- Tempat : Casuarina Convention Centre,
Hotel Casuarina@Meru,
Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
- 9.00 pagi : Pendaftaran Anggota
- : Undian Pemilihan Empat (4) orang Anggota Lembaga
Dan Tiga (3) orang Simpanan Anggota Lembaga
- 10.00 pagi : Bacaan Doa
- : Ucapan Aluan
Encik Kamarul Bahrin bin Baharudin,
Pengerusi,
Koperasi Perbadanan Perak Berhad
- : Ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan
Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak,
Ketua Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- : Penyampaian hadiah pelajaran kepada anak-anak Anggota yang
mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan tahun 2021
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - Asasi/ Matrikulasi
 - Memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- : Penyampaian Cenderahati
- 11.15 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke Empat Puluh (40)
Bermula

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD KALI KE EMPAT PULUH (40)**

3. Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut :-
- 3.1 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung.
 - 3.2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 bertarikh 11 September 2021.
 - 3.3 Membentang Dan Menerima : -
 - a) Laporan Kemajuan Tahunan 2021/2022
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
 - 3.4 Menimbang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.
 - 3.5 Menimbang dan meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2021.
 - 3.6 Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2023.
 - 3.7 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK.
 - 3.8 Menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KOPERAK.
 - 3.9 Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada Firma-firma Audit berikut untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK tahun 2022 :-
 - a) Hisham & Co
No. 44A Tingkat 1,
Jalan Todak 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Perai, Pulau Pinang
 - b) Hazizi, Syed & Co
58A Persiaran Jelapang 5,
Taman Silibin,
30100 Ipoh, Perak
 - c) Kamarul Azhar Consultant,
No.9 Blok N, Fasa 1C2,
Jalan SM 1C/4,
32040 Sri Manjung, Perak
 - d) Ara Associates
No. 4, Persiaran Pengakalan Timur
26, Medan Pengkalan Impian,
31650 Ipoh Perak
 - 3.10 Membahaskan Usul-usul yang disampaikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.
 - 3.11 Mengisytiharkan keputusan undian pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK.
 - 3.12 Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40.

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD KALI KE EMPAT PULUH (40)**

4. Semua Anggota KOPERAK adalah dijemput hadir.
5. Anggota-anggota yang mempunyai sebarang Usul boleh berbuat demikian dengan mengemukakan secara bertulis kepada Setiausaha KOPERAK pada atau sebelum 17 Jun 2022 untuk diperbahaskan di dalam Mesyuarat Agung.

Sekian, terima kasih.

**“MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA”**

Dengan hormatnya,



(NAZATUL HALIPAH BINTI KAMARULZAMAN)
Setiausaha,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

s.k Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Perak
Tingkat 1, Blok C
Bangunan Persekutuan Ipoh
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT KORPORAT

Didaftarkan di Malaysia pada 6 September 1975, No. Pendaftaran KOOP. INST.1

PEJABAT OPERASI	No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Tel : 05-5251947 Email : 1koperak@gmail.com Facebook : KOPERAK PKNP
WAKTU PEJABAT	8.00 pagi – 5.00 petang (Isnin- Jumaat)
SYARIKAT KUMPULAN	SIKAP UTAMA SDN BHD. (399188-W) DAN PANCARAN PERMATA SDN BHD. (536265-A) No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak
BANK	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh Perak MAYBANK 277-281 Jalan Silibin, Taman Malcop, 30100 Ipoh Perak
PANEL GUAMAN	MIOR ASSOCIATES 28A-1 Jalan Kamarudin Isa, Fair Park, 31400 Ipoh Perak LOKMAN REENA & CO No 43, Room A, Jalan Istana, 30000 Ipoh Perak
JURUAUDIT LUAR	ALJEFFRIDEAN PLT Akauntan Bertauliah (Malaysia), No 1A-1, Jalan Meru Utama A1, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39

Tarikh : 11 September 2021 (Sabtu)
Masa : 10.15 pagi
Tempat : Zoom Meeting,
Bilik Mesyuarat Aras 11,
Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya,
Off Jalan Jelapang 30020 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Kehadiran Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa Audit Dalam :-

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT	- Pengerusi
2.	Encik Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari, AMP	- Timbalan Pengerusi
3.	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	- Anggota Lembaga merangkap Wakil Setiausaha
4.	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin	- Bendahari
5.	Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria, PPT	- Anggota Lembaga
6.	Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh	- Anggota Lembaga
7.	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim	- Anggota Lembaga
8.	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan	- Anggota Lembaga
9.	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi	- Anggota Lembaga
10.	Encik Mohamad Hafiz Bin Sulaiman	- Anggota Lembaga
11.	Encik Mohd Helmi Bin Johor	- Anggota Lembaga
12.	Encik Arif Fadillah Bin Shamlan	- Jawatankuasa Audit Dalam
13.	Encik Zaikal Zikry Bin Mansor	- Jawatankuasa Audit Dalam
14.	Puan Ika Riana Binti Kamaruddin	- Jawatankuasa Audit Dalam

Kehadiran Anggota

Seramai 368 orang daripada 498 orang anggota termasuk Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam telah hadir seperti senarai di lampiran.

1.0 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK)

Puan Nur Adina Furzanne Binti Abdullah (Anggota No. 836) telah mencadangkan Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat dan cadangan beliau telah disokong oleh Puan Ku Sheena Binti Ku Delly (Anggota No. 910).

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah mencadangkan supaya cadangan tersebut ditutup.

Anggota-anggota yang hadir bersetuju sebulat suara melantik Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) sebagai Pengerusi MAT Kali Ke-39 KOPERAK.

2.0 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Orang Anggota Dan Empat Orang Anggota Lembaga Untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39

Pengerusi Mesyuarat, Tuan Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin (Anggota No. 502) telah memaklumkan bahawa mesyuarat perlu melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga KOPERAK untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39.

Bagi memilih enam (6) orang anggota bagi menganggotai jawatankuasa, Pengerusi Mesyuarat telah membuka kepada anggota-anggota untuk memberi cadangan.

Puan Nor Azleen Binti Zamri (Anggota No. 816) telah mencadangkan Encik Mohamad Syuib Bin Abdul Rahman (Anggota No. 868) dan telah disokong oleh Puan Nurlina Farhana Binti Ahmad Fuad (Anggota No. 838).

Encik Ammar Asyraf Bin Rajmi (Anggota No. 1022) telah mencadangkan Puan Aerma Hayatie Binti Azman (Anggota No. 966) dan telah disokong oleh Puan Zanariyatul Wahidah Binti Rohana (Anggota No. 726).

Encik Mohamad Tharwan Bin Ahmad Sukri (Anggota No. 1067) telah mencadangkan Encik Mohd Safuan Bin Mohd Sidek (Anggota No. 936) dan telah disokong oleh Puan Fausiah Binti Adham (Anggota No. 394).

Encik Ahmad Sapian Bin Tabri (Anggota No. 185) telah mencadangkan Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) dan telah disokong oleh Encik Kamarudin Bin Abd Rahman (Anggota No. 555).

Puan Hafiza Binti Ramli (Anggota No. 507) telah mencadangkan Encik Maheswaran A/L Kuppusamy (Anggota No. 401) dan telah disokong oleh Encik Aqlan Hanis Bin Mohd Asri (Anggota No. 1138).

Encik Zul Effizal Bin Mohamad Saad (Anggota No. 962) telah mencadangkan Encik Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin (Anggota No. 995) dan telah disokong oleh Puan Haslinda Binti Mohd Kamal (Anggota No. 715).

Bagi memilih empat (4) orang wakil daripada Anggota Lembaga KOPERAK, mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk membuat perlantikan di kalangan mereka.

3.0 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 Bertarikh 29 Jun 2019

Wakil Setiausaha KOPERAK, Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (Anggota No. 720) telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 bertarikh 29 Jun 2019 seperti terkandung di dalam buku Laporan Tahunan 2019 pada muka surat 7 hingga 13 untuk disahkan.

Encik Ahmad Safwan Bin Yunus (Anggota No. 908) telah mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-37 bertarikh 29 Jun 2019 diluluskan dan telah disokong oleh Encik Abdul Aziz Bin Wok Ghazali (Anggota No. 351).

4.0 Membentang Laporan Tahunan 2019

4.1 Membentang Dan Menerima :-

- a) Laporan Kemajuan Tahunan 2019**
- b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2019**

Wakil Setiausaha KOPERAK telah membentangkan Laporan Kemajuan Tahunan 2019 pada muka surat 21 hingga 33 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2019 pada muka surat 34.

Encik Maheswaran A/L Kuppusamy (Anggota No. 401) telah mencadangkan Laporan Kemajuan Tahunan 2019 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2019 diterima dan telah disokong oleh Encik Ahmad Al-Hadi Bin Abdul Khalid (Anggota No. 823).

4.2 Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Bendahari KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) telah membentangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 pada muka surat 35 hingga 75 untuk diluluskan.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 diluluskan dan telah disokong oleh Puan Rusilawati Binti Mustafa (Anggota No. 482).

4.3 Menimbang Dan Meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Bendahari KOPERAK telah membentangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 pada muka surat 46 untuk diluluskan.

Encik Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Anggota No. 1058) telah mencadangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 diluluskan dan telah disokong oleh Encik Sarjidin Bin Ahmad Hanif (Anggota No. 476).

4.4 Menimbang Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021.

Bendahari KOPERAK telah membentangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021 pada muka surat 76 hingga 78 untuk diluluskan.

Puan Fazilah@Fauziah Binti Abdullah (Anggota No. 176) telah mencadangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021 diluluskan dan telah disokong oleh Encik Ahmad Shahrom Bin Mohd Razali (Anggota No. 466).

4.5 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2021

Bendahari KOPERAK telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2021 sebanyak RM15 juta untuk diluluskan.

Encik Ahmad Faisal Bin Ibrahim (Anggota No. 607) telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2021 diluluskan dan telah disokong oleh Puan Nurul Afidah Binti Jamean (Anggota No. 629).

4.6 Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK 2020

Bendahari KOPERAK telah mencadangkan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

Puan Rusilawati Binti Mustafa (Anggota No. 482) telah mencadangkan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta diterima dan telah disokong oleh Encik Md Shaizatul Azam Bin Che Soda (Anggota No. 1005).

4.7 Meluluskan Perlantikan Satu (1) Panel Yang Terdiri Daripada Firma-Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun KOPERAK Tahun 2020

Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan Anggota Lembaga KOPERAK telah memilih AlJeffriDean PLT sebagai firma yang mengaudit akaun-akaun KOPERAK tahun 2020 memandangkan tiada MAT diadakan pada tahun 2019.

Encik Mazlan Bin Shamsuddin (Anggota No. 296) telah mencadangkan perkara di atas diterima dan telah disokong oleh Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1).

4.8 Membahaskan Usul-Usul Yang Diterima Setiausaha Sekurang-Kurangnya Tujuh (7) Hari Sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-38.

Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan tiada usul yang diterima berikutan tiada MAT diadakan pada tahun 2020.

Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1) telah mencadangkan perkara di atas diterima dan telah disokong oleh Puan Sofayzah Binti Zulkifli (Anggota No. 619).

4.9 Mengisytiharkan Keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-38

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan bahawa terdapat lima (5) calon Anggota Lembaga KOPERAK yang telah gugur pada tahun 2020.

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan dengan merujuk Pekeliling Berhubung Pengecualian Seksyen 87, Akta Koperasi 1993 Bagi Mesyuarat Agung Tahunan bertarikh 31 Disember 2020 pada perkara 8.2 iaitu ; "Pengguguran satu pertiga daripada bilangan Anggota Lembaga yang sepatutnya berlaku dalam tahun kalendar 2020 adalah dikecualikan memandangkan MAT tidak diadakan dalam tahun 2020.

Keperluan pengguguran satu pertiga daripada bilangan Lembaga hanya akan berlaku apabila MAT diadakan pada tahun terbabit. Dalam erti kata lain, tiada keperluan untuk satu pertiga Anggota Lembaga meletak jawatan bagi tahun kewangan 2019/2020.”

Pengerusi Mesyuarat juga telah memaklumkan kepada semua anggota senarai Anggota Lembaga KOPERAK yang telah gugur pada tahun 2019 seperti berikut :

Bil.	Anggota Lembaga	No. Anggota
1.	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin	618
2.	Encik Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari	517
3.	Puan Alya Binti Mohamad Safran	812
4.	Encik Nor Azman Bin Mohd Salleh	81
5.	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720

Encik Abdul Aziz Bin Wok Ghazali (Anggota No. 351) telah mencadangkan perkara di atas diterima dan telah disokong oleh Puan Norwazi Binti Abdul Wahab (Anggota No. 522).

5.0 Membentang Laporan Tahunan 2020

5.1 Membentang Dan Menerima :-

- a) Laporan Kemajuan Tahunan 2020**
- b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalamn 2020**

Wakil Setiausaha KOPERAK telah membentangkan Laporan Kemajuan Tahunan 2020 pada muka surat 18 hingga 30 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalamn 2020 pada muka surat 31.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah memohon penjelasan daripada Anggota Lembaga KOPERAK berkaitan status Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) sebagai Anggota Lembaga KOPERAK.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah menyatakan hasil rujukan beliau menunjukkan Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) disenarai sebagai anggota bersara.

Merujuk kepada Undang-Undang Kecil (UUK) KOPERAK, perkara 22 (d) **Anggota Bersara**; “Seseorang yang telah bersara pilihan atau wajib daripada pekerjaannya dan menerima pencen bulanan boleh, dengan kebenaran Lembaga, mengemukakan permohonan meneruskan keanggotaannya dalam Koperasi ini dengan syarat dia- (d) tidak layak untuk dipilih sebagai Anggota Lembaga.”

Berdasarkan UUK tersebut, Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah berpendapat bahawa Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) telah hilang kelayakan sebagai Anggota Lembaga berkuatkuasa pada tarikh beliau menamatkan perkhidmatan di Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) atau subsidiari. Kelayakan untuk terus berada dalam Anggota Lembaga adalah di luar kuasa Anggota Lembaga KOPERAK mahupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Pengerusi KOPERAK, Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias (Anggota No. 105) telah memberi maklum balas bahawa Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) telah dilantik menjadi Anggota Lembaga KOPERAK pada tahun 2018 semasa beliau masih dalam perkhidmatan. Memandangkan pada tahun 2020 MAT tidak diadakan sebagaimana yang telah diluluskan oleh SKM disebabkan pandemik COVID-19, maka status beliau sebagai Anggota Lembaga KOPERAK masih dikekalkan sehingga tahun sebenar beliau gugur iaitu pada tahun 2021.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah menyatakan bahawa beliau memahami akan perkara tersebut. Namun beliau menekankan konteks “Anggota yang bersara tidak boleh menjadi Anggota Lembaga”. Ini bermakna Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) terpaksa untuk menggugurkan diri dari jawatan Anggota Lembaga KOPERAK disebabkan status beliau sebagai pesara.

Bendahari KOPERAK telah memberi penjelasan dengan merujuk UUK perkara 22 (d) adalah tidak berkaitan dengan isu yang dibangkitkan kerana UUK menyatakan tidak layak dipilih dan bukannya gugur sebagai Anggota Lembaga.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah memohon untuk KOPERAK memberi takrifan yang tepat dan penjelasan daripada pihak SKM berkaitan perkara ini.

Encik Abdul Aziz Bin Wok Ghazali (Anggota No. 351) menjelaskan bahawa situasi Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) Encik Abdul Aziz Bin Wok Ghazali (Anggota No. 351) menjelaskan bahawa situasi Encik Mior Shaifuddin Bin Zakaria (Anggota No. 82) adalah sama seperti beliau di mana perlantikan beliau sebagai ALK (perlantikan sebelum bersara) adalah kekal sehingga digugurkan dalam MAT seterusnya walaupun beliau telah bersara dalam tempoh tersebut.

Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1) telah mencadangkan Laporan Kemajuan Tahunan 2020 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2020 diterima dan telah disokong oleh Encik Mazlan Bin Shamsuddin (Anggota No. 296).

5.2 Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Bendahari KOPERAK telah membentangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 pada muka surat 32 hingga 74 untuk diluluskan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) mengemukakan dua (2) perkara seperti berikut :-

Perkara 1 :

Mengapa dividen 2020 berjumlah 10% telah dibayar sebelum mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39? Bayaran telah dibuat sebelum mendapat kelulusan MAT walaupun SKM telahpun meluluskan untuk membayar 10% maksimum. Namun, ianya belum diluluskan di dalam MAT. Ini menjadikan pembayaran dividen yang telah dibuat adalah sebagai dividen *interim*. Beliau mencadangkan agar MAT ini mengesahkan kelulusan dividen *interim* dan dividen *final* berjumlah 10%.

Penjelasan :

Bendahari KOPERAK telah memberi penjelasan bahawa KOPERAK telahpun mendapat kelulusan daripada SKM pada 2 Julai 2021 untuk membayar dividen 10% sebelum MAT. Walau bagaimanapun, secara formaliti ianya masih perlu mendapat kelulusan dalam MAT.

Pengerusi KOPERAK telah memaklumkan bahawa dalam UUK KOPERAK tidak ada dinyatakan sama sekali definisi *interim* dan *final*. Perkara ini terjadi kerana MAT yang sepatutnya diadakan sebelum 30 Jun 2021 terpaksa ditangguhkan selewat-lewatnya pada 30 September 2021 kesan daripada wabak pandemik yang melanda dunia. Akaun Beraudit KOPERAK juga tidak terkandung definisi *interim* dan *final* untuk digunakan dalam pembayaran dividen.

Anggota Lembaga KOPERAK mengambil maklum dan akan mendapatkan penjelasan daripada pihak SKM.

Perkara 2 :

Stesen Minyak Ke-2 Belum Beroperasi

- a) Apakah rasional pengiktirafan untuk penerimaan peralatan projek Stesen Minyak Ke-2 bernilai RM1.096 juta sedangkan stesen minyak belum beroperasi?
- b) Berapakah kesan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri terbit dari pengiktirafan ini?
- c) Adakah jumlah ini untuk meningkatkan keuntungan KOPERAK kerana tanpa pengiktirafan tersebut KOPERAK menzahirkan kerugian?

Penjelasan :

Bendahari KOPERAK telah memberi penjelasan bahawa apabila KOPERAK membina Stesen Minyak Ke-2, KOPERAK telah memohon sumbangan daripada Petronas Dagangan Berhad (PDB). Sehubungan itu, PDB bersetuju untuk memberi sumbangan dalam bentuk peralatan dan bukan secara tunai. Maka dengan itu, peralatan tersebut diambil kira sebagai pendapatan KOPERAK oleh Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar. Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar telah bersetuju dengan semua dokumen yang dikemukakan untuk dinyatakan sebagai pendapatan. KOPERAK sememangnya dikenakan cukai dan cukai perlu dibayar seperti yang telah ditetapkan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 diluluskan dan telah disokong oleh Puan Rusnidar Binti Samsudin (Anggota No. 673).

5.3 Menimbang Dan Meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

Bendahari KOPERAK telah membentangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 pada muka surat 43 untuk diluluskan.

Encik Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Anggota No. 1058) telah mencadangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 diluluskan dan telah disokong oleh Encik Kamarudin Bin Abd Rahman (Anggota No. 555).

5.4 Menimbang Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2022

Bendahari KOPERAK telah membentangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2022 pada muka surat 75 hingga 77 untuk diluluskan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah memberi pandangan dan mencadangkan agar belanjawan 2023 dan seterusnya hendaklah disertakan hala tuju dan strategi. Ini bagi memudahkan dan mengukuhkan pemahaman anggota tentang pendapatan yang bakal diperolehi dan perbelanjaan yang bakal dibelanjakan bagi tahun tersebut.

Pengerusi KOPERAK telah bersetuju dengan cadangan Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) dan untuk tahun akan datang, KOPERAK akan menyediakan Laporan Anggaran Belanjawan dengan lebih terperinci.

Pengerusi KOPERAK juga telah memaklumkan bahawa Anggota Lembaga akan menstruktur semula Pengurusan KOPERAK serta melantik Pengurus Besar untuk memperkemaskan hala tuju KOPERAK.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah mencadangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2022 diluluskan dan disokong oleh Encik Abdul Aziz Bin Wok Ghazali (Anggota No. 351).

5.5 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2022

Bendahari KOPERAK telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2022 sebanyak RM15 juta untuk diluluskan.

Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1) telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK 2022 diluluskan dan telah disokong oleh Puan Nurul Afidah Binti Jamean (Anggota No. 629).

5.6 Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK 2021

Bendahari KOPERAK telah mencadangkan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1) telah mencadangkan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta diterima dan telah disokong oleh Encik Mohamad Irfan Bin Ngah Othman (Anggota No. 797).

5.7 Meluluskan Perlantikan Satu (1) Panel Yang Terdiri Daripada Firma-Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun KOPERAK Tahun 2021.

Wakil Setiausaha KOPERAK telah mengemukakan empat (4) calon panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK bagi tahun 2021 untuk dipilih oleh anggota dan mencadangkan supaya mesyuarat memberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk melantik satu (1) firma juruaudit yang berkelayakan untuk melaksanakan pengauditan akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah mencadangkan perkara di atas diterima dan telah disokong oleh Puan Nor Afifah Binti Mohd Latib (Anggota No. 847).

5.8 Membahaskan Usul-Usul Yang Diterima Setiausaha Sekurang-Kurangnya Tujuh (7) Hari Sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39

Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan sehingga tarikh tutup usul iaitu 3 September 2021, terdapat satu (1) usul yang diterima daripada Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) untuk dibahaskan seperti berikut :-

Usul 1 :

Untuk memberi kuasa pada Ahli Lembaga Pengarah melantik (tanpa melalui proses pemilihan) seorang yang diperakui layak oleh Lembaga Pengarah untuk menduduki

Lembaga Pengarah sebagai mewakili ahli bersara untuk satu tempoh tidak melebihi 2 tahun dari tarikh lantikan.

Pandangan Anggota :

Puan Noradidah Binti Mokhtar (Anggota No. 125) telah bersetuju dengan usul yang dikemukakan oleh Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) dan berpendapat bahawa UUK boleh dipinda.

Tuan Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi (Anggota No. 1027) telah memberi pandangan bahawa cadangan Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) tidak mencerminkan kawalan demokrasi iaitu bercanggah dengan prinsip KOPERAK dan ia juga tidak menepati UUK Para 22 (d).

Encik Nor Azman Bin Zulkifli (Anggota No. 828) telah bersetuju dengan pandangan Tuan Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi (Anggota No. 1027) bahawa mengikut UUK Para 22, ia adalah berkenaan keanggotaan anggota koperasi di mana anggota bersara tidak layak menjadi Anggota Lembaga. Beliau berpendapat untuk mengekalkan UUK sedia ada.

Encik Zaffani Bin Azul Islami (Anggota No. 746) telah mencadangkan untuk membuat undian bagi mengekalkan demokrasi.

Maklum Balas :

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan bahawa jumlah anggota yang aktif dalam mesyuarat pada ketika itu adalah seramai 319. Penerimaan usul hanya diterima apabila undian melebihi separuh (160 orang) daripada kehadiran yang aktif.

Pengerusi Mesyuarat telah memohon sekiranya ada anggota yang menyokong Usul 1 untuk 'raise hand' dalam tempoh satu (1) minit.

Jumlah '*raise hand*' anggota yang menyokong Usul 1 adalah berjumlah 87 orang sahaja. Jumlah ini menjadikan Usul 1 ditolak dan tiada pindaan ke atas UUK.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah berpendapat sekiranya mahu betul-betul *equitable equity*, perlulah mendapat undian daripada yang menentang. Maka dari situ, yang berkecuali adalah diambil kira.

Setelah merujuk kepada tatacara pengurusan mesyuarat secara atas talian daripada SKM, Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan bahawa sesiapa yang tidak mengundi adalah dikira berkecuali dan tidak menyokong. Oleh itu, pengundian semula tidak perlu dibuat.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah menyatakan bahawa bagaimana untuk memastikan bahawa anggota-anggota yang tertera di talian masih lagi mengikuti mesyuarat pada ketika itu untuk menentukan kesahihan undian.

Pengerusi Mesyuarat telah memohon maklumat daripada Jawatankuasa Teknikal ANGKASA berhubung jumlah undian yang dikawal oleh mereka.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah sekali lagi mengajukan soalan bagaimana Jawatankuasa Teknikal ANGKASA boleh memastikan bahawa anggota-anggota yang ada masih lagi mengikuti mesyuarat.

Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan kepada semua anggota dengan merujuk ikon *participants* dan disahkan Jawatankuasa Teknikal ANGKASA terdapat 319 orang anggota yang masih aktif dan berada di dalam talian mesyuarat.

Pengerusi Mesyuarat telah menerangkan bahawa kiraan undian mengambil kira daripada jumlah *participants* yang tertera pada masa yang diberikan untuk mengundi.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah berpendapat kemungkinan anggota-anggota baru tidak mengambil maklum. Maka dengan itu, beliau memohon untuk undian dibuka sekali lagi dan kemudian jumlahkan semula undian.

Bendahari KOPERAK telah memaklumkan bahawa usul yang sama telah dikemukakan oleh Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) sebanyak dua (2) kali pada MAT beberapa tahun yang lalu. Pada ketika itu, anggota-anggota tidak bersetuju dengan cadangan ini. Begitu juga pada ketika ini, anggota masih tidak bersetuju. Jadi, adalah tidak perlu untuk diulang semula kerana keputusannya tidak berubah. Anggota Lembaga KOPERAK tiada tentangan akan perkara ini tetapi keputusan undian daripada anggota-anggota masih tidak bersetuju.

Wakil Setiausaha KOPERAK telah memaklumkan semula bahawa maklumat yang diberikan oleh Jawatankuasa Teknikal ANGKASA, mengikut ketetapan Garis Panduan 14 (b) SKM berkenaan tatacara MAT dalam talian, penentuan kuorum dan keberadaan ahli dalam talian dikira berdasarkan jumlah semasa yang masih *online* di talian platform *Zoom*. Sesiapa yang ada atau tidak di hadapan kamera masing-masing ianya di luar kawalan pusat *broadcasting* dan tidak menjejaskan kuorum mesyuarat.

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan merujuk kepada UUK para 31(1); Semua perbahasan kecuai yang berkaitan dengan pindaan UUK hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran, para 31(2); Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah.

Anggota yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu dan para 31(3); Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Encik Jaafar Bin Baharin (Anggota No. 1) telah menyatakan Usul 1 pernah dibangkitkan dalam MAT sebelum ini akan tetapi MAT memutuskan untuk tidak bersetuju. Kini, Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) sekali lagi membangkitkan isu ini memandangkan bilangan anggota bersara semakin meningkat dan akan terus meningkat. Beliau berpendapat isu ini adalah relevan untuk dibangkitkan akan tetapi sekiranya keputusan diambil untuk tidak diterima, maka perlu terima dengan hati yang terbuka.

Pengerusi Mesyuarat telah menyatakan bahawa perkara ini bergantung kepada undian daripada anggota-anggota. Sehingga tempoh yang diberikan, *participants* adalah seramai 319 dan cuma mendapat 87 sahaja yang menyokong. Ini bermaksud Usul 1 tidak dipersetujui.

Pengerusi Mesyuarat telah memutuskan bahawa Usul 1 tidak disokong memandangkan undian tidak mencapai 160 orang kerana hanya 87 orang sahaja yang menyokong berbanding jumlah anggota aktif di dalam talian iaitu 319 orang. Maka dengan itu, Usul 1 tidak diterima dan ditolak oleh anggota-anggota KOPERAK.

Usul 2 :

Adalah dicadangkan semua urusan MAT 38 dibawa ke MAT ini @ lain-lain mesyuarat khusus untuk rektifikasi semua urusan MAT selaras dengan Para 33 Fungsi Mesyuarat Agung.

Maklum Balas :

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan SKM menetapkan bahawa Laporan 2019 yang sepatutnya dibentangkan pada tahun lepas (2020) perlu dibentangkan bersekali dengan Laporan 2020 pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 bertarikh 11 September 2021.

Keputusan yang dibuat dalam MAT masih boleh dipinda oleh pihak SKM dan Menteri. Maka dengan ini, kuasa tertinggi tidak terletak pada MAT.

Encik Mohamad Najib Bin Mat Lazim (Anggota No. 116) telah berpandangan Usul 2 yang dibangkitkan iaitu MAT perlu diadakan 6 bulan selepas 31 Disember setiap tahun adalah selari dengan Akta Koperasi 1993. Jadi perkara itu tidak boleh diubah dan mesti mengikut peraturan.

Pengerusi Mesyuarat telah menyatakan bahawa pihak KOPERAK telah memohon pengecualian untuk mengadakan MAT daripada SKM supaya MAT dibuat secara maya dan dibuat selepas dari tempoh yang sepatutnya (Jun). SKM juga telah mengeluarkan arahan supaya MAT diadakan tidak lewat dari 30 September 2021.

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan bahawa MAT boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu *virtual* dan *hybrid* bagi mematuhi kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh SKM.

Usul 3 :

- 3.1 Menambah klausa pada Para 26. (Mesyuarat Agung). Untuk mengambil kira supaya MAT dapat diadakan secara maya sekiranya sesuatu kekangan menghalang pertemuan secara bersemuka MAT tidak dapat dilaksanakan.
- 3.2 Notis Mesyuarat Agung Pada Para 29 (1) dan 29 (2)
Tambahkan klausa bagi membolehkan perkara yang berkaitan dengan klausa ini boleh disampaikan secara platform maya dan boleh diakses oleh majoriti anggota.

Maklum Balas :

Wakil Setiausaha KOPERAK telah menyatakan bahawa platform maya ini dibuat berdasarkan pekeling semasa yang dikeluarkan oleh SKM tanpa perlu meminda UUK.

Pengerusi Mesyuarat telah memaklumkan MAT terpaksa dibuat secara maya berikutan kekangan yang disebabkan wabak pandemik. SKM akan sentiasa memberi pekeling baru dari semasa ke semasa mengikut keadaan semasa untuk tahun seterusnya.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah berpandangan bahawa perkara tersebut perlu dimasukkan dalam klausa dan bukan sahaja untuk MAT akan tetapi dalam dokumentasi seperti e-mel, aplikasi *whatsapp*, akaun dan sebagainya. Beliau memohon Anggota Lembaga KOPERAK untuk mengkaji semula kesesuaian dan bukan untuk mendapatkan kelulusan.

Pengerusi KOPERAK telah berpandangan bahawa Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) menjadikan perkara ini sebagai usul maka perlu dibahaskan dalam MAT. Sekiranya perkara ini sebagai penambahbaikan, pihak Pengurusan boleh terus mengambil tindakan dengan merujuk pandangan daripada SKM.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah menyatakan bahawa beliau memahami dan menerima pandangan Pengerusi KOPERAK. Beliau telah menyatakan bahawa beliau pernah menghantar e-mel kepada Anggota Lembaga KOPERAK dan Pengurusan namun tidak pernah menerima sebarang maklum balas.

Pengerusi KOPERAK telah mengingatkan Anggota Lembaga KOPERAK dan Pengurusan untuk mengambil maklum dan memberi maklum balas kepada anggota.

5.9 Mengisytiharkan Keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39

Pengerusi Mesyuarat telah mengisytiharkan bahawa KOPERAK telah menerima sebanyak lapan (8) pencalonan bagi jawatan Anggota Lembaga KOPERAK pada tarikh tutup pencalonan iaitu pada 27 Julai 2021. Nama-nama tersebut adalah seperti berikut :-

Bil.	Anggota Lembaga	No. Anggota
1.	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin	618
2.	Encik Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari	517
3.	Puan Alya Binti Mohamad Safran	812
4.	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720
5.	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi	818
6.	Encik Nor Azman Bin Zulkifli	828
7.	Tuan Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi	1027
8.	Puan Haslina Binti Ismail	724

Pencalonan telah dibuka pada 13 Julai 2021 dan ditutup pada 27 Julai 2021. Sehingga 27 Julai 2021, hanya lapan (8) pencalonan (seperti di atas) sahaja yang diterima.

Puan Norwazi Binti Abdul Wahab (Anggota No. 522) telah mencadangkan untuk menerima cadangan di atas dan telah disokong oleh Encik Ahmad Shahril Bin Zam Zam Amin (Anggota No. 965).

6.0 Penutup

Pengerusi KOPERAK telah memaklumkan kepada semua anggota bahawa elaun kehadiran akan dibayar bermula 15 September 2021 (Rabu) secara pindahan wang atas talian.

Pengerusi Mesyuarat telah mengucapkan penghargaan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga KOPERAK yang hadir dalam mesyuarat dan juga pihak Jawatankuasa Teknikal ANGKASA yang datang dari Kuala Lumpur bagi melancarkan MAT Kali Ke-39 secara maya. Beliau juga telah mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang mengambil bahagian. Mesyuarat ditamatkan pada jam 1.50 petang.

Disediakan oleh :-



(NAZATUL HALIPAH BINTI KAMARULZAMAN)
Setiausaha,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 telah ditentukan sahnyanya melalui Mesyuarat Menentukan Sahnyanya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 pada 23 September 2021 (Khamis) jam 3.00 petang menggunakan platform maya Google Meet : meet.google.com/kdv-cfsa-jod.

(ABDUL RAHIM BIN BOHARI@BAHARI)

Anggota Lembaga : 517

(NOR AZMAN BIN ZULKIFLI)

Anggota Lembaga : 828

(SYED OMAR HUZAIMI BIN SYED GHAIBI)

Anggota Lembaga : 1027

(HASLINA BINTI ISMAIL)

Anggota Lembaga : 724

(MOHAMAD SYUIB BIN ABDUL RAHMAN)

Anggota : 868

(AERMA HAYATIE BINTI AZMAN)

Anggota : 966

(MOHD SAFUAN BIN MOHD SIDEK)

Anggota : 936

(SULAIMAN BIN AHMAD)

Anggota : 360

(MAHESWARAN A/L KUPPUSAMY)

Anggota : 401

Objektif kami adalah untuk mendapat jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ini sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, perancangan dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

Laporan Juruaudit Bebas...(samb.)

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan serta pendedahan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Anggota Lembaga Koperasi menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Kumpulan dan Koperasi untuk berhenti sebagai satu usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan juga menilai sama ada penyata kewangan menunjukkan urus niaga dan peristiwa yang menggambarkan pembentangan penyata kewangan yang saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Kami hanya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami telah melaporkan kepada Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara-perkara lain, skop kerja yang akan dilaksanakan, tempoh masa pengauditan dan penemuan-penemuan kami, termasuk sebarang kelemahan di dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa menjalankan kerja-kerja pengauditan.

Laporan ke atas Keperluan Perundangan dan Kawal Selia

Mengikut keperluan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- a) Rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang serta perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi di dalam tahun kewangan berakhir ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan Pertubuhan Koperasi, 1995 di Malaysia, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti Koperasi adalah munasabah.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa ada tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



AljeffriDean PLT
No: LLP0022267-LCA & AF1366
Akauntan Bertauliah



Zuhairi Dzaruddin
SKM(B)0503
Akauntan Bertauliah

Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 13 Mei 2022

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI, 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga **Koperasi Perbadanan Perak Berhad** dengan sukacitanya membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

a) Pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, hasil kendalian Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.

b) Koperasi bercadang membayar :

	RM
Dividen 8% (2020 : 10%)	228,496.88
Honorarium Anggota Lembaga	4,200.00

c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

d) Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, tiada tanggungan luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.

e) Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset dan liabiliti semasa yang ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan adalah munasabah.

f) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti yang akan dikuatkuasakan dalam jangka masa dua belas bulan (12) dari 31 Disember 2021 yang boleh menjejaskan keupayaan Koperasi dalam memenuhi liabilitinya apabila tiba waktu.

g) Anggota Lembaga Koperasi bercadang mengagihkan sebahagian dari keuntungan Koperasi kepada :

	RM
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan (10%)	26,176.25


**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI, 1993**

Laporan Berkanun Anggota Lembaga...samb.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(1)(c) Akta Koperasi, 1993.



.....
Kamarul Bahrin Bin Baharudin
Pengerusi



.....
Nazatul Halipah binti Kamarulzaman
Setiausaha



.....
Haslina binti Ismail
Bendahari

Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 13 Mei 2022

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2021 RM	2020 RM <i>Dinyatakan semula</i>	2021 RM	2020 RM <i>Dinyatakan semula</i>
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN					
Perabut dan Kelengkapan	5	4,101.82	27,846.59	4,101.82	27,846.59
Peralatan Pejabat	5	25,960.11	25,225.62	25,960.11	25,225.62
Rumah Kedai	5	697,003.54	713,203.54	697,003.54	713,203.54
Aset Stesen Minyak Petronas	5	5.00	5.00	5.00	5.00
Aset Dalam Pembinaan	5	6,627,271.99	6,579,032.05	6,627,271.99	6,579,032.05
		<u>7,354,342.46</u>	<u>7,345,312.80</u>	<u>7,354,342.46</u>	<u>7,345,312.80</u>
ASET BUKAN SEMASA					
Pelaburan Hartanah	6	279,726.97	167,539.06	279,726.97	167,539.06
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	7	18,156.10	25,226.55	14,112.00	20,472.00
Pelaburan Dalam Syer Taksir Harga	8	2,000.00	2,000.00	2,000.00	2,000.00
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	9	-	-	10,000.00	10,000.00
Pembiayaan Anggota	10	1,778,110.28	2,147,097.28	1,778,110.28	2,147,097.28
Kos Pembangunan	11	1,320,683.90	1,190,759.34	1,320,683.90	1,190,759.34
		<u>3,398,677.25</u>	<u>3,532,622.23</u>	<u>3,404,633.15</u>	<u>3,537,867.68</u>
ASET SEMASA					
Pembiayaan Anggota	10	781,780.75	758,340.00	781,780.75	758,340.00
Terhutang oleh Syarikat Subsidiari	9	-	-	117,767.11	116,265.15
Aset Kumpulan Wang Rizab					
Statutori	12	201,675.00	3,489.54	201,675.00	3,489.54
Penghutang Perdagangan	13	214,232.37	259,778.62	205,232.37	250,778.62
Pelbagai Penghutang dan Deposit	14	156,873.54	186,969.94	125,607.01	144,708.65
Simpanan Tetap	15	141,486.51	290,639.23	-	150,000.00
Stok (Minyak dan Kedai Mesra)	16	74,168.97	34,098.97	74,168.97	34,098.97
Tunai di Bank dan di Tangan	17	803,177.12	1,117,036.70	627,337.06	941,099.03
		<u>2,373,394.26</u>	<u>2,650,353.00</u>	<u>2,133,568.27</u>	<u>2,398,779.96</u>
JUMLAH ASET		<u>13,126,413.97</u>	<u>13,528,288.03</u>	<u>12,892,543.88</u>	<u>13,281,960.44</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2021

Penyata Kedudukan Kewangan disatukan...samb.

NOTA	KUMPULAN		KOPERASI		
	2021 RM	2020 RM <i>Dinyatakan Semula</i>	2021 RM	2020 RM <i>Dinyatakan Semula</i>	
EKUITI DAN LIABILITI					
DIBIYAI OLEH					
Modal Yuran Anggota	18	2,911,442.43	2,645,364.63	2,911,442.43	2,645,364.63
Modal Syer Anggota	19	60,650.00	63,653.00	60,650.00	63,653.00
Modal Syer Ditebus	20	40,079.46	44,102.46	40,079.46	44,102.46
Kumpulan Wang Bencana Musibah	21	41,696.55	43,181.55	41,696.55	43,181.55
Kumpulan Wang Penebusan Syer	22	44,001.89	39,978.89	44,001.89	39,978.89
Kumpulan Wang Pendidikan	23	75,882.54	74,212.22	75,882.54	74,212.22
Kumpulan Wang Kebajikan Am	24	40,710.14	75,017.89	40,710.14	75,017.89
Kumpulan Wang Khairat Kematian	25	34,892.27	37,717.27	34,892.27	37,717.27
Keuntungan Terkumpul		66,521.99	42,415.42	70,697.68	52,808.33
KUMPULAN WANG ANGGOTA		3,315,877.27	3,065,643.33	3,320,052.96	3,076,036.24
Kumpulan Wang Rizab Statutori	26	763,254.72	726,300.02	763,254.72	726,300.02
JUMLAH EKUITI		4,079,131.99	3,791,943.35	4,083,307.68	3,802,336.26
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman Institusi Kewangan	27	7,611,522.42	8,031,979.75	7,611,522.42	8,031,979.75
LIABILITI SEMASA					
Pinjaman Institusi Kewangan	27	859,212.79	809,157.83	859,212.79	809,157.83
Pelbagai Pemiutang	28	302,956.85	552,158.98	89,433.59	324,347.12
Terhutang Kepada Syarikat Subsidiari	9	-	-	2,056.48	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	29	6,159.12	16,171.96	6,159.12	16,171.96
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	30	3,079.56	8,085.97	3,079.56	8,085.97
Wang Deposit	31	28,450.36	34,003.64	5,075.36	6,600.00
Dividen	32	228,496.88	259,881.55	228,496.88	259,881.55
Honorarium	33	4,200.00	8,400.00	4,200.00	8,400.00
Peruntukan Cukai		3,204.00	16,505.00	-	15,000.00
		1,435,759.56	1,704,364.93	1,197,713.78	1,447,644.43
JUMLAH LIABILITI		9,047,281.98	9,736,344.68	8,809,236.20	9,479,624.18
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		13,126,413.97	13,528,288.03	12,892,543.88	13,281,960.44

Nota yang disertaka merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Keuntungan bersih		314,903.75	492,659.15	307,955.86	485,314.21
Tolak: Pembahagian Berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori -12%		36,954.70	58,237.71	36,954.70	58,237.71
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%		6,159.12	9,706.28	6,159.12	9,706.28
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%		3,079.56	4,853.14	3,079.56	4,853.14
		<u>46,193.38</u>	<u>72,797.13</u>	<u>46,193.38</u>	<u>72,797.13</u>
Keuntungan bersih selepas Pembahagian Berkanun		268,710.37	419,862.02	261,762.48	412,517.08
Tolak: Lain-lain Pembahagian					
Dividen dicadangkan - 8% (2020: 10%)		228,496.88	259,881.55	228,496.88	259,881.55
Kumpulan Wang Pendidikan - Nil% (2020: 8%)		-	33,001.37	-	33,001.37
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Am - 10% (2020: 8%)		26,176.25	33,001.37	26,176.25	33,001.37
Kumpulan Wang Khairat Kematian - Nil% (2020: 6%)		-	24,751.02	-	24,751.02
Kumpulan Wang Bencana & Musibah - Nil% (2020: 10%)		-	41,251.71	-	41,251.71
Honorarium Anggota Lembaga		4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
Peruntukan Cukai	34	3,204.00	16,505.00	-	15,000.00
		<u>262,077.13</u>	<u>412,592.02</u>	<u>258,873.13</u>	<u>411,087.02</u>
Baki keuntungan yang belum dibahagi-bahagikan		6,633.24	7,270.00	2,889.35	1,430.06
Campur: Pelarasan Bukan Operasi					
Pelarasan Peruntukan Cukai	34	17,473.33	2,761.07	15,000.00	1,330.30
		<u>24,106.57</u>	<u>10,031.07</u>	<u>17,889.35</u>	<u>2,760.36</u>
Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan		42,415.42	32,384.35	52,808.33	50,047.97
Keuntungan terkumpul awal tahun					
KEUNTUNGAN TERKUMPUL AKHIR TAHUN		<u>66,521.99</u>	<u>42,415.42</u>	<u>70,697.68</u>	<u>52,808.33</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
		<i>Dinyatakan semula</i>		<i>Dinyatakan semula</i>
Hasil kendalian	1,006,168.88	1,619,759.12	981,215.02	1,592,503.50
Perbelanjaan pentadbiran	<u>(642,941.21)</u>	<u>(996,355.72)</u>	<u>(624,935.24)</u>	<u>(976,445.04)</u>
Keuntungan dari Koperasi	363,227.67	623,403.40	356,279.78	616,058.46
Perbelanjaan kewangan	<u>(48,323.92)</u>	<u>(130,744.25)</u>	<u>(48,323.92)</u>	<u>(130,744.25)</u>
Keuntungan dibawa ke Akaun Pembahagian Keuntungan	<u>314,903.75</u>	<u>492,659.15</u>	<u>307,955.86</u>	<u>485,314.21</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KOPERASI	
		2021 RM	2020 RM <i>Dinyatakan semula</i>
PENDAPATAN			
Fee masuk		90.00	120.00
Keuntungan pelaburan		7,173.05	-
Keuntungan akaun semasa		3,106.12	8,129.89
Keuntungan hartanah (sewa bangunan)		31,850.00	36,400.00
Keuntungan pembiayaan Bai Al Inah 1		253,060.50	92,931.20
Komisen insurans		142,666.30	140,967.71
Perkhidmatan pinjaman Bai Al Inah		1,040.00	850.00
Keuntungan perniagaan stesen minyak Petronas Meru Raya	35	406,823.25	80,221.00
Pelbagai pendapatan		3,405.80	2,483.70
Yuran pengurusan anak syarikat		87,000.00	70,000.00
Prihatin PERKESO		45,000.00	63,600.00
Penerimaan peralatan - Projek Stesen Minyak Kedua		-	1,096,800.00
		<hr/>	<hr/>
Jumlah Pendapatan		981,215.02	1,592,503.50
Tolak: Perbelanjaan pentadbiran	36	(624,935.24)	(976,445.04)
Tolak: Kos kewangan	37	(48,323.92)	(130,744.25)
		<hr/>	<hr/>
KEUNTUNGAN BERSIH KOPERASI		307,955.86	485,314.21
		<hr/>	<hr/>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KOPERASI				
Keuntungan bersih dalam tahun	314,903.75	492,659.15	307,955.86	485,314.21
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:				
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	-	26.00	-	26.00
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dan pelaburan hartanah	51,765.81	27,610.49	51,765.81	27,610.49
Rosotnilai saham pulih semula	-	(983.70)	-	-
Peruntukan rosotnilai	7,070.45	50,761.15	6,360.00	50,761.15
Peruntukan hutang lapuk	-	4,123.82	-	4,123.82
Hibah daripada simpanan semasa	(3,106.12)	(8,129.89)	(3,106.12)	(8,129.89)
Keuntungan simpanan tetap	(8,020.33)	(5,897.02)	(7,173.05)	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	362,613.56	560,170.00	355,802.50	559,705.78
Pengurangan dalam pembiayaan anggota	345,546.25	407,646.29	345,546.25	407,646.29
Pengurangan/(Penambahan) dalam penghutang perdagangan	45,546.25	(41,244.58)	45,546.25	(41,244.58)
Pengurangan dalam pelbagai penghutang (Penambahan)/Pengurangan dalam stok (minyak & kedai mesra)	(40,070.00)	66,072.38	(40,070.00)	66,072.38
(Pengurangan)/Penambahan dalam pelbagai pemiutang	(329,718.01)	144,906.04	(313,054.34)	120,544.10
Pertambahan dalam kos kemajuan	(250,000.00)	(2,126,762.28)	(250,000.00)	(2,126,762.28)
Pertambahan dalam terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	(7,000.00)	(75,498.04)
Pertambahan dalam terhutang kepada syarikat subsidiari	-	-	7,554.52	-
Pengurangan dalam wang deposit	(1,524.64)	-	(1,524.64)	-
Tunai diperolehi daripada/(digunakan untuk) aktiviti operasi	232,230.12	(846,533.07)	231,642.99	(978,601.88)
Cukai dibayar	(684.74)	(62,000.55)	-	(60,000.00)
Tunai bersih diperolehi daripada/ (digunakan untuk) aktiviti operasi	231,545.38	(908,533.62)	231,642.99	(1,038,601.88)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan hibah daripada simpanan semasa	8,020.33	8,129.89	3,106.12	8,129.89
Penerimaan keuntungan simpanan tetap	3,106.12	5,897.02	7,173.05	-
Penambahan dalam hartanah, loji dan peralatan	(52,907.94)	(11,238.00)	(52,907.94)	(11,238.00)
Tunai bersih (digunakan untuk)/ diperolehi daripada aktiviti pelaburan	(41,781.49)	2,788.91	(42,628.77)	(3,108.11)

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Aliran Tunai Disatukan...samb.

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran modal yuran anggota	(158,239.33)	(207,028.35)	(158,239.33)	(207,028.35)
Penerimaan modal yuran anggota	424,317.13	407,794.34	424,317.13	407,794.34
Pembayaran modal syer anggota	(4,023.00)	(2,700.00)	(4,023.00)	(2,700.00)
Penerimaan modal syer anggota	1,020.00	1,900.00	1,020.00	1,900.00
Pembayaran modal syer ditebus	(4,023.00)	(2,700.00)	(4,023.00)	(2,700.00)
Pembayaran Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	(6,850.00)	(10,950.00)	(6,850.00)	(10,950.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	5,365.00	5,361.01	5,365.00	5,361.01
Penerimaan Kumpulan Penebusan Syer	4,023.00	2,700.00	4,023.00	2,700.00
Pembayaran Kumpulan Wang Pendidikan	(9,050.00)	(22,560.00)	(9,050.00)	(22,560.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Pendidikan	10,720.32	14,122.00	10,720.32	14,122.00
Pembayaran Kumpulan Wang Kebajikan Am	(69,131.00)	(1,800.00)	(69,131.00)	(1,800.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Kebajikan Am	8,647.00	5,402.00	8,647.00	5,402.00
Pembayaran Kumpulan Wang Khairat Kematian	(8,200.00)	(5,400.00)	(8,200.00)	(5,400.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Khairat Kematian	5,375.00	5,235.00	5,375.00	5,235.00
Penerimaan pinjaman jangka panjang	-	448,190.74	-	448,190.74
Pembayaran pinjaman jangka panjang	(370,402.37)	(329,495.46)	(370,402.37)	(329,495.46)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(16,171.96)	-	(16,171.96)	-
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(8,085.97)	(2,327.48)	(8,085.97)	(2,327.48)
Pembayaran dividen	(259,881.55)	(237,746.68)	(259,881.55)	(237,746.68)
Tunai bersih (digunakan untuk)/diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	(454,590.73)	67,997.12	(454,590.73)	67,997.12
Pengurangan bersih dalam tunai	(264,826.84)	(837,747.59)	(265,576.51)	(973,712.87)
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	1,411,165.47	2,248,913.06	1,094,588.57	2,068,301.44
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	1,146,338.63	1,411,165.47	829,012.06	1,094,588.57
Diwakili oleh:				
Tunai di bank dan di tangan	803,177.12	1,117,036.70	627,337.06	941,099.03
Simpanan tetap	141,486.51	290,639.23	-	150,000.00
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	201,675.00	3,489.54	201,675.00	3,489.54
	<u>1,146,338.63</u>	<u>1,411,165.47</u>	<u>829,012.06</u>	<u>1,094,588.57</u>

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT UMUM

Kegiatan utama Koperasi adalah sebagai agen yang memberi pembiayaan kepada anggota serta menjalankan kegiatan pelaburan perdagangan am, perniagaan insuran, penjualan alatan pejabat, perniagaan stesen minyak dan lain-lain.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti dinyatakan di nota 9 penyata kewangan.

Penyata kewangan ini disediakan di dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

Penyata kewangan ini telah disahkan oleh Anggota Lembaga Koperasi pada 13 Mei 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan Kumpulan dan Koperasi ini disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (“MPERS”) yang diluluskan di Malaysia dan disesuaikan mengikut keperluan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi menurut kehendak Akta Koperasi 1993, di Malaysia dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat untuk membuat penilaian mereka di dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan dan Koperasi. Walau bagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 3 (o) kepada penyata kewangan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut digunakan untuk melaporkan perkara-perkara penting dalam penyata kewangan.

a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Koperasi dan subsidiari. Subsidiari adalah entiti dikawal oleh Koperasi. Kawalan wujud apabila pemilik induk mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar perakaunan yang seragam bagi urusanniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama. Semua baki, urusanniaga di antara kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

Pelaburan dalam anak syarikat diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Syarikat pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Koperasi dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan ditunjukkan pada kos asal setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Dasar untuk mengiktiraf dan mengukur kerugian rosotnilai adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 3(g) kepada penyata kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usiaguna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahun berikut:

	%
Perabot dan kelengkapan	15
Peralatan pejabat	10
Rumah kedai	2
Aset PSS (Perniagaan Stesen Minyak)	15

Aset dalam pembinaan meliputi projek pembinaan bangunan yang sedang didirikan. Aset dalam pembinaan tidak disusut nilaikan tetapi tertakluk kepada semakan penjejasan nilai sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset tersebut mungkin akan terjejas.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

c) Pelaburan

Pelaburan Koperasi adalah bersifat jangka panjang dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak elaun rosotnilai, jika ada. Rosotnilai dalam nilai pelaburan hanya diperuntukkan jika, pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, kemerosotan nilai tersebut adalah berkekalan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai dibawa pelaburan tersebut dan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Pelaburan syer siar harga termasuk tabung amanah yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran yang material (melebihi 30% kejatuhan secara keseluruhan dalam harga pasaran atau jumlah kejatuhan nilai pasaran berbanding dengan kos melebihi 5% daripada untung bersih) perlu dibuat rosotnilai sepenuhnya bagi menggambarkan nilai aset yang benar dan saksama.

d) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah pada asasnya adalah hartanah yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang dan/atau untuk kenaikan modal dan bukan untuk kegunaan Koperasi. Hartanah pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi langsung dan proses mendapatkan hartanah berkenaan.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Susut nilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usiaguna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahunan berikut:

	Kadar
Tanah	1%
Rumah kedai	2%

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan hartanah pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara nilai pelupusan dan nilai dibawa akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

e) Inventori

Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih mengikut kaedah masuk dahulu, keluar dahulu.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan normal ditolak anggaran kos siap dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

f) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan meyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

f) Aset Kewangan (Samb.)

iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- Kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- Pelanggaran kontrak
- Pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan
- Ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- Data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam Kumpulan dan Koperasi yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Untuk pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik (yang semestinya anggaran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) bahawa Kumpulan dan Koperasi menjangka untuk menerima untuk aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

g) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Kumpulan dan Koperasi akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penajaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penajaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penajaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penajaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penajaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penajaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penajaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

h) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Syarikat kepada pengatur.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

ii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

iii. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai.

Nota-nota kepada penyata kewangan...samb.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan.

i) Manfaat kakitangan

i) Manfaat jangka pendek

Gaji, elaun, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Koperasi.

ii) Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan Koperasi apabila ia tertanggung.

j) Pengiktirafan Hasil

i. Pendapatan daripada stesen minyak

Pendapatan daripada perniagaan penjualan minyak dan kedai runcit diiktiraf berdasarkan barang yang telah dijual apabila risiko dan ganjaran telah dipindahkan.

ii. Pendapatan daripada komisen insurans

Pendapatan daripada pengurusan insuran ahli anggota Koperasi selepas perkhidmatan dilaksanakan.

iii. Pendapatan daripada pelaburan

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari untuk keuntungan pembiayaan dan lain-lain pelaburan diambil kira di dalam penyata pendapatan apabila hak penerimaan ke atasnya telah ditentukan.

iv. Pendapatan faedah dan sewa

Pendapatan faedah dan sewa diiktiraf secara akruan.

v. Yuran pengurusan

Pendapatan daripada perkhidmatan pengurusan diiktiraf secara akruan.

vi. Fee masuk

Fee masuk telah diiktiraf ke penyata pendapatan Koperasi sebagai pendapatan mengikut kehendak Undang-undang Kecil 12(1).

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

k) Cukai

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun-tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah tanggungan atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dikenakan cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangkakan untuk diaplikasikan dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besar digubal pada tarikh laporan.

l) Penyata Aliran Tunai

Kumpulan dan Koperasi menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai dan bersamaan tunai didefinisikan sebagai baki tunai di tangan, deposit perintah dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

m) Modal Yuran dan Syer Anggota

Modal yuran dan syer anggota dikategorikan sebagai ekuiti. Dividen kepada modal yuran dan syer anggota yang dicadangkan selepas tarikh lembaran imbangan tetapi sebelum diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan akan diiktiraf sebagai tanggungan di dalam tahun kewangan semasa bagi memenuhi Peruntukan Seksyen 57(5)(b), Akta Koperasi 1993.

n) Bayaran Honorarium

Bayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya mengikut kehendak perenggan 57(5)(c) Akta Koperasi 1993.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

o) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting

